

02 DEC 1998

Parlimen-Kad

PENGEDARAN POSKAD HARI JADI GUAN ENG DI DEWAN RAKYAT DAPAT TENTANGAN

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Seorang anggota DAP hari ini mengambil kesempatan mengedarkan poskad hari jadi anggota DAP Lim Guan Eng (Kota Melaka) yang sedang menjalani hukuman penjara walaupun mendapat tentangan daripada penyokong-penyokong kerajaan.

Ketika mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 peringkat jawatankuasa, M. Kulasegaran (Teluk Intan) meminta anggota dewan sama ada daripada pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan, menghantar kad ucapan hari jadi yang dicetak khas oleh DAP bagi Lim.

Kad dengan gambar penyokong Lim berbaris di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, lengkap dengan alamat Lim di Penjara Kajang, di edarkan juga kepada wartawan di Bilik Akhbar.

Kulasegaran semasa meminta anggota barisan penyokong kerajaan menghantar poskad itu berkata, "Kalau yang sana tu (merujuk kepada barisan penyokong kerajaan) masuk penjara, kita juga akan hantar kad seperti ini," katanya.

Lim akan menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-38 pada 8 Dis ini.

Semasa sesi perbincangan itu juga, Noh Omar (BN-Tanjong Karang) bangun meminta Timbalan Speaker Datuk Juhar Mahiruddin supaya menghalang pendedaran kad itu.

Menurut beliau, kad itu telah menarik perhatian anggota dewan yang membaca dan melihat kad itu.

"Mengikut Aturan Mesyuarat, Peraturan 41, semasa persidangan anggota dewan tidak boleh membaca akhbar, buku, surat-surat atau lain-lainnya kecuali apa-apa yang ada kena mengena dengan urusan yang dibincangkan."

Juhar kemudian mencelah dan berkata beliau akan menyemak perkara itu dan akan membuat keputusan selepas mesyuarat bersidang semula pada sebelah petang.

Bagaimanapun, persidangan yang bermula semula pukul 2.30 petang itu dipengerusikan oleh Speaker Tun Mohamad Zahir Ismail.

Kulasegaran ketika ditemui pemberita sebelum itu berkata tindakannya mengedarkan kad itu tidak menyalahi peraturan mesyuarat kerana kad itu mempunyai nama dan alamat pencetak.

"Yang tak boleh diedarkan di dalam dewan ialah apabila bahan edaran itu tidak mempunyai nama dan alamat pencetak seperti yang berlaku pada persidangan lepas apabila penyokong kerajaan menyebarkan pelekat "Kami Sokong Mahathir" kepada semua anggota dewan.

Lim Guan Eng sedang menjalani hukuman penjara 18 bulan secara serentak setelah didapati bersalah atas dua tuduhan mengikut Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NZ PR